



Penyertaan Pasukan UniMAP ke Kejohanan Liga Paintball Kebangsaan Malaysia 2008

Oleh ; Mohd Hafeez Nordin

Liga Paintball Kebangsaan Malaysia 2008 telah kembali lagi dan pada kali ini pasukan UniMAP telah menghantar satu pasukan yang telah menyertai kejohanan ini pada 31 Oktober 2008 hingga 2 November yang lalu. Pada kejohanan kali ini Pasukan Paintball UniMAP telah menghantar 2 orang pegawai dan 5 orang pemain untuk kejohanan ini. Perlawanan yang berlangsung di Akademi Paintball Malaysia, Komplek Sukan Astaka, Petaling Jaya, Selangor yang mana pasukan UniMAP telah menyertai bagi kategori jemputan Divisyen 4.

Pada penyertaan buat kali pertama ini pasukan paintball UniMAP telah memenangi 5 perlawanan dan 4 kekalahan dan seterusnya berjaya menduduki tempat keempat kejohanan ini.

Pengurus pasukan iaitu Mohammad Tarmizi Abd Razak selaku pengurus pasukan telah berpuas hati akan prestasi anak buahnya yang buat kali pertama menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini adalah merupakan peringkat Kebangsaan dan rata-rata pasukan yang menyertai adalah merupakan pasukan yang berpengalaman dan hebat di seluruh Malaysia. Diharap dengan menyertai banyak lagi kejohanan maka akan dapatlah menghasilkan satu pasukan yang mantap dan terbaik pada masa akan datang.

KEPUTUSAN PERLAWANAN PAINTBALL

BIL	PERLAWANAN	KEPUTUSAN
1	Pusingan Awal Unimap vs Bilut Unimap vs JS Unimap vs Trouble Shooter Unimap vs CS Team 1	Kalah Menang Menang Menang
2	Pusingan Kedua Unimap vs Reapez	Menang
3	Suku Akhir Unimap vs EJPC	Menang
4	Separuh Akhir Unimap vs Legio X Hastati	Kalah
5	Tempat 3 dan 4 Unimap vs Romeoz	Kalah